

28 JUN 2002

Ting-Kuasa/I

PERGESERAN DALAM PARTI DISEBABKAN PEREBUTAN KUASA, KATA TING

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung MCA Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata pergeseran yang berlaku dalam parti berkenaan baru-baru ini tiada kena mengena dengan dasar dan halatuju parti.

Katanya, pergeseran seperti itu disebabkan pergelutan beberapa pemimpin untuk mendapatkan kuasa dan kedudukan.

"Pergeseran itu, setakat yang saya fahami, tidak berkaitan langsung dengan dasar dan halatuju MCA. Saya percaya pergeseran seumpama itu disebabkan pergelutan beberapa pemimpin untuk mendapatkan kuasa dan kedudukan," katanya pada perasmian persidangan agung tahunan Wanita MCA di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ting berkata perselisihan dalaman MCA telah tidak dapat mengelakkan persepsi orang ramai bahawa pemimpin MCA meletakkan kepentingan peribadi mereka melebihi kepentingan parti.

Semasa ditanya pemberita kemudian sama ada pergeseran dalam parti berkemungkinan juga disebabkan pemimpin yang terlalu lama memimpin, Ting bagaimanapun enggan mengulas lanjut, sebaliknya memberitahu mereka "tolong berpegang kepada ucapan."

"Apa yang saya katakan itu hanyalah pandangan peribadi setiausaha agung," kata beliau.

Parti itu yang sepatutnya mengadakan pemilihan jawatan bagi penggal 2002 hingga 2005 bulan ini telah menerima formula perdamaian yang bermakna kepimpinan sekarang akan diteruskan selama tiga penggal lagi.

Seringkali dilihat menyokong supaya proses demokrasi parti dipertahankan, Ting berkata "pada masa ini, tidak perlu untuk meneka apa yang akan berlaku pada masa depan."

"Jika semua orang kurang berfikir tentang kepentingan dirinya dan memberikan lebih kepada kepentingan parti, saya yakin kita boleh menyelesaikan masalah tanpa perlu mendapatkan pertolongan pihak luar," kata beliau.

Formula perdamaian itu dirangka dengan bantuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

YBK MFJ ROS